

24 JUL 1997

Mahathir-Asean

ASEAN AKAN MENYELESAIKAN MASALAH IKUT CARA SENDIRI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Asean mesti menghalang dan menolak percubaan untuk memaksa dan harus menyelesaikan masalahnya mengikut "cara dan masa kita sendiri," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tiada siapa, tiada siapa yang harus menganggap yang hanya mereka sahaja yang tahu jalan penyelesaian kepada semua masalah. Mereka banyak kali gagal dan tidak dapat meyakinkan kita yang mereka sahaja tahu apa yang betul dan salah," kata beliau semasa merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Asean (AMM) ke 30 di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, dunia harus sedar yang keanggotaan dalam Asean mempunyai pengaruh dalam menstabilkan politik dalaman dan akan membantu kemajuan negara-negara anggota.

Seperti biasa secara terus terang Dr Mahathir berkata, adalah dikesali terdapat mereka yang tidak melihat perkara sebenarnya tetapi di sebaliknya mendorong Asean untuk menghukum, menafikan keanggotaan dan mengenakan tekanan pada calon berpotensi supaya dapat memaksa negara itu terus berada di ambang kemiskinan dan ketidakstabilan.

"Ia bukan cara Asean. Kita akan menyelesaikan masalah kita mengikut cara dan masa kita," kata beliau dengan jelas merujuk kepada kritikan daripada Barat, khasnya Amerika Syarikat terhadap kemasukan Myanmar sebagai anggota penuh Asean semalam.

Dr Mahathir menyifatkan AMM di sini sebagai peristiwa penting dalam sejarah kerjasama serantau. Ulang tahun Asean ke 30 adalah pada 8 Ogos ini.

"Kita percaya dalam keutuhan melalui perpaduan. Kita menolak hak eksklusif. Kita menderita dalam dunia yang terbahagi kepada dua fahaman. Kita tahu jika bersendirian kita akan menderita," dan hanya dengan bersatu sahaja Asean boleh mengekalkan dan mendapat manfaat daripada kemerdekaannya, kata beliau.

Dalam menyampaikan ucapan tahniah kepada Myanmar dan Laos, yang menyertai Asean semalam, Dr Mahathir berkata sementara ada sebab untuk diraikan, masalah yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara dalam usaha-usaha awal untuk membentuk forum serantau itu pada 1967 selepas dua permulaan yang tidak berjaya tidak harus dilupakan.

"Ia merupakan keperluan politik lebih daripada kepentingan ekonomi yang membawa negara-negara itu bersama. Tetapi kemudiannya terdapat desas-desus mengenai negara-negara ini mencontohi Kesatuan Ekonomi Eropah untuk menjadi blok perdagangan," kata beliau.

Blok ekonomi Asean pada masa itu mungkin tidak banyak membawa makna kerana pembangunan ekonomi yang kurang dan tuntutan bertindak terhadap wilayah-wilayah yang menjejaskan hubungan antara negara-negara anggota, kata beliau.

Bagaimanapun, kata beliau, negara-negara Asean meneruskan pertemuan walaupun hubungan dua hala antara beberapa negara anggota terjejas.

"Sehingga hari ini, tuntutan wilayah masih wujud tetapi ia tidak menghalang Asean daripada menjadi forum serantau dengan kebolehpercayaan dalam hal ehwal ekonomi, sosial dan politik dunia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, pencapaian Asean adalah lebih mengagumkan memandangkan tidak lama dahulu berlaku peperangan dan konflik di rantau itu dan juga dalam beberapa negara Asean.

Beliau berkata, pertahanan Asean adalah dalam konteks kestabilan, kekuatan ekonomi dan perpaduan dan bukan dengan menjadi blok ketenteraan.

"Jika kita mempunyai masalah dengan negara-negara bukan Asean, kita bersama-sama akan mencari penyelesaian melalui rundingan menggunakan unit kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, sementara Asean menghargai tawaran untuk bantuan pertahanan, masih wujud persoalan sama ada bantuan yang dijanjikan itu akan sampai memandangkan banyak negara ditinggalkan untuk menghadapi takdir mereka apabila mereka menghadapi masalah.

"Kita tahu akan ditinggalkan untuk menghadapi masalah dan membayar kos dengan nyawa dan kekayaan kita. Dalam analisis terakhir, kita boleh bergantung pada diri sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mereka yang bercakap mengenai penaklukkan tentera dan tanah jajahan ketinggalan zaman kerana ianya tidak lagi menguntungkan dalam dunia yang mahukan pertumbuhan ekonomi melalui sistem pasaran terbuka.

"Kemakmuran ekonomi adalah jawapan kepada masalah keselamatan kita kerana dengan kemakmuran, Asean akan dipandang dengan serius dan pandangannya dihormati," kata beliau.

Kekuatan tentera mungkin menyebabkan ketakutan dan perlumbaan senjata yang mahal dan hanya menguntungkan pembuat senjata, di sebaliknya kemakmuran ekonomi membawa penghormatan pada kos yang lebih rendah dan keuntungannya tidak hilang ke mana-mana, kata beliau lagi.

Asean kini terdiri daripada Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, Vietnam, Laos and Myanmar.

Dr Mahathir berkata, Asean mesti berazam untuk tidak gagal.

"Kita tidak boleh gagal," kata beliau.

Beliau berkata, masa depan masih cerah bagi sembilan negara anggota Asean dan mereka tahu apa yang mereka harus melakukan secara bersama dan secara individu.

"Kita mempunyai kekuatan untuk berbuat apa yang baik bagi kita dan untuk mempertahankan diri. Jika kita gagal, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa kecuali diri kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, terdapat hampir setengah bilion penduduk dalam Asean dan walaupun pendapatan perkapita mereka mungkin rendah, secara keseluruhan kuasa membeli mereka agak besar.

"Di samping itu, dengan kadar pertumbuhan yang tinggi, pengaruh ekonomi mereka pasti telah meningkat dengan banyak," kata beliau. -- BERNAMA

KGO RM PR